



## SIARAN MEDIA

### HARI LANDSKAP NEGARA (HLN) 2024 ASPIRASI PEMBANGUNAN LANDSKAP NEGARA YANG KOMPREHENSIF

---

**SHAH ALAM, 25 Mei 2024** – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merafak sembah **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim** atas limpah perkenan bercemar duli ke Majlis Perasmian Sambutan Hari Landskap Negara (HLN) 2024 bertempat di Taman Tasik Shah Alam, Selangor pada pagi ini. Turut berangkat, YAM Tunku Tun Aminah Binti Sultan Ibrahim dan suami, Dato' Dennis Muhammad Abdullah.

**Penganjuran HLN 2024 bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan apresiasi terhadap landskap** terutamanya dalam kalangan generasi muda di samping **menyebarkan kepentingan landskap terhadap kesejahteraan kehidupan** melalui program pembangunan landskap yang komprehensif. Selain itu, ia juga merupakan salah satu **usaha dalam meningkatkan kualiti pembangunan landskap negara** dengan mewujudkan kesedaran, menarik minat dan pengetahuan dalam kalangan semua pihak terhadap landskap seterusnya merealisasikan aspirasi untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah.

**Bertemakan 'Industri Landskap Pemacu Pembangunan MADANI'**, Sambutan HLN 2024 ini merupakan sambutan kali ke-25 dan akan berlangsung selama 10 hari bermula pada 24 Mei sehingga 2 Jun 2024 anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Bersempena Sambutan HLN 2024 ini, **Anugerah Rosa Sinensis** dan beberapa kategori anugerah lain turut disampaikan sebagai penghargaan di atas pelbagai usaha yang telah dilaksanakan dalam memartabatkan industri landskap negara. Anugerah Rosa Sinensis

merupakan **satu pengiktirafan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mengurus taman-taman awam dan kawasan hijau melalui perancangan dan pembangunan secara komprehensif.**

Bagi memeriahkan Sambutan HLN 2024, pelbagai aktiviti dan pertandingan telah diadakan seperti Larian HLN 2024, Pertandingan Mewarna, Demonstrasi Masakan *From Garden To Plate*, Pertandingan Mural dan Pembinaan Arca dari bahan kitar semula, Pertandingan Gubahan Bunga, Pertandingan Booth Industri Terbaik, Pertandingan Laman PBT, Dialog Industri, Pertandingan Photojournalism, *Student Workshop* dan pelbagai lagi. Antara **tarikan utama HLN 2024 adalah Pertandingan Laman PBT melibatkan penyertaan dari 10 buah PBT di Negeri Selangor yang menampilkan dekorasi menarik serta kreativiti dalam mengolah reka bentuk reruai bagi memperlihatkan keunikan landskap kawasan pentadbiran PBT masing-masing.**

Bukan itu sahaja, HLN 2024 julung kalinya menampilkan **Laman DiRaja** sebagai simbolik menjunjung kasih penganjur terhadap kesudian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim, melimpahi perkenan untuk berangkat bercemar duli ke Majlis Sambutan Hari Landskap Negara 2024 ini. Reka bentuk Laman DiRaja ini **berinspirasi Taman Inggeris (*English Garden*) yang bercirikan unsur semulajadi dengan halaman lapang bersimetri dan diadunkan dengan elemen senibina *gazebo* Inggeris dan ukiran awan larat (Kesenian Melayu), mewujudkan keunikan gabungan nuansa Inggeris dan kemelayuan.**

Bersempena HLN 2024, **Green Urban Forum (GUF)** turut diadakan bertujuan untuk **berkongsi kepakaran dan pengetahuan serta menyuntik idea-idea berkenaan inisiatif perbandaran hijau negara, khususnya berkaitan pembangunan landskap. Di samping itu, ia juga turut menjadi platform bagi menerapkan nilai dan amalan pengurusan landskap terbaik** yang dapat menyumbang kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan.

Menurut YB KM, “KPKT melalui JLN memberikan komitmen penuh terhadap usaha-usaha bagi menyokong perkembangan industri landskap negara yang turut menyumbang kepada perkembangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).”

Tambah beliau, “Berdasarkan kepada maklumat yang dibekalkan oleh pihak Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia pada

tahun 2022 adalah berjumlah sebanyak **RM1.791 trilion**. Daripada jumlah tersebut, industri landskap dianggarkan telah menyumbang sebanyak **RM29.7 bilion** atau bersamaan **1.7% peratus** daripada nilai KDNK tahun 2022. Nilai tersebut mencatatkan kadar **pertumbuhan sebanyak 14.8%** bagi Industri Landskap berbanding tahun sebelumnya.

Dalam sektor pembekalan pokok, tanaman hiasan dan landskap, Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) merekodkan sebanyak **653 buah perusahaan tapak semaian berdaftar meliputi kawasan seluas 819.63 hektar** di seluruh negara. **Negeri Johor mencatatkan keluasan perusahaan tapak semaian terbesar iaitu 571.08 hektar**. Manakala dalam sektor pembinaan, sebanyak 20,537 buah syarikat telah berdaftar sebagai kontraktor landskap dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

Turut hadir Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM); Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu; Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib; Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara (JLN), YBrs. Tuan Mansor bin Mohamad; Datuk Bandar Shah Alam (MBSA), YBrs. Tuan Ir. Cheremi bin Haji Tarman serta pengurusan tertinggi KPKT dan Ketua Jabatan peringkat negeri dan daerah.

KPKT melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) sentiasa berusaha untuk memperkasakan industri landskap negara melalui pengukuhan jaringan kerjasama bagi meningkatkan peranan penggiat industri landskap. Ini secara tidak langsung dapat menyokong kepada perkembangan ekonomi negara.

**#MalaysiaMADANI**

**#StrongerTogether**

**#UnityInDiversity**

**#DemiPertawi**

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

